

UUM buka pejabat serantau di China

um 19/5/05

26:5

SINTOK, 18 Mei - Universiti Utara Malaysia (UUM) kini memiliki pejabat serantaunya di China selepas Memorandum Perjanjian (MoA) ditandatangani dengan DHB Education Training Centre Sdn. Bhd. (DHB) yang akan menguruskan pengambilan pelajar-pelajar baru dari negara tersebut.

Pemangku Naib Canselor UUM, Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik dan Dekan Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden (FKBM) UUM, Prof. Madya Dr. Nuraini Yusoff masing-masing menandatangani perjanjian berkenaan bagi pihak universiti manakala DHB diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Aisha An Fei Fei dan Pengarah Urusannya, Musa Li Yan Long di Catic Palza Hotel, Beijing baru-baru ini.

Melalui perjanjian itu, DHB akan bertindak sebagai ejen universiti itu untuk mengambil pelajar-pelajar dari China bagi melanjutkan pengajian di UUM, Sintok.

Setakat ini DHB bukan sahaja berjaya mendapat enam pelajar sulung dari China yang berminat melanjutkan pelajaran di UUM malah menterjemahkan semua program dan kursus sarjana universiti itu ke bahasa Mandarin bagi menarik lebih ramai warga negara itu untuk mengikuti pengajian lanjutan ke negara ini.

Menurut Dr. Abdul Razak, China memiliki prospek pelajar ijazah pertama yang amat besar memandangkan setiap tahun seramai 5 juta pelajar menamatkan pembelajaran mereka di peringkat menengah.

Hal ini secara tidak langsung juga

memberi gambaran yang baik terhadap potensi pelajar pasca siswazah dari negara berkenaan, katanya dalam satu kenyataan akhir hari ini.

DHB yang ditubuhkan pada 1997 memiliki pengalaman luas dalam khidmat perundingan untuk pelajar dan institusi yang terlibat malah syarikat ini juga menjadi ejen pendidikan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) selain UUM sendiri.

Selain mewujudkan pejabat serantau di negara tersebut, delegasi itu turut mengadakan hubungan dua hala dengan Hebei University di Wilayah Hebei melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengadakan kerjasama dua hala dalam bidang penyelidikan, pembangunan staf akademik dan program pertukaran staf serta pelajar kedua-dua universiti.

PERISYTIHARAN JUALAN
DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI ALOR STAR
SAMAN PEMULA NO: 24-669-03
PERMOHONAN PELAKSANAAN NO: 38-215-03

Dalam perkara mengenai Gadaian Perseharahan No: 1579/1997, Jilid No: 70, Folio No: 94 ke atas tanah yang terkandung di dalam H.S (M) 79/84, Mukim Ulu Melaka, Daerah Langkawi, Kedah Darul Aman.

Dan
Dalam perkara Seksyen 265 (3) (c), Kanun Tanah Negara, 1965.

Dan
Dalam perkara mengenai Aturan 83 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980.

ANTARA
EON BANK BERHAD ... PLAINTIF
DAN
TUAN PEGAWAI PEMEGANG HARTA KEDAH, MENAWALI SI BANKRAP, AZMI BIN RAMLI (K/P: 660519-02-3831) ... DEFENDAN

Menurut Perintah Mahkamah Tinggi Malaysia di Alor Star yang diperbuat pada 5/4/04 dan 26/4/05 adalah dengan ini disyitarkan bahawa Timbalan Pendahar, Mahkamah Tinggi Malaysia di Alor Star dengan dibantu oleh PELELONG yang tersebut di bawah:

AKAN MENJUAL SECARA
LELONGAN AWAM
PADA HARI KHAMIS 2 JUN 2005
JAM 10.30 PAGI HINGGA 11.00 PAGI
DI PEKARANGAN MAHKAMAH MAJISTRET LANGKAWI
KEDAH DARUL AMAN

NOTA: Bakal-batal. Pembeli adalah dinasiharkan agar membuat carian Hak Milik secara rasmi di Pejabat Tanah dan Memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong.

BUTIR-BUTIR HAK MILIK
NO. HAK MILIK: HS (M) 79/84, KAWASAN: PADANG GAONG, MUKIM / DAERAH / NEGERI: ULU MELAKA / LANGKAWI / KEDAH, KELUASAN HARTANAH: 0.8271 HEKTAR, HAK MILIK: BEBAS, PEGANGAN: RIZAB MELAYU, CUKAI TAHUNAN: RM3.00, KATEGORI KEGUNAAN TANAH: PERTANIAN (PADU), PEMILIK BERDAFTAR: AZMI BIN RAMLI (NO. K/P: 660519-02-3831), BEBANAN: Disagakan kepada Oriental Bank Berhad, menurut Perseharahan No. 1579/1997, Jilid No. 70, Folio No. 94 bertarikh 29 Oktober, 1997.

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH
Hartanah ini terletak di kawasan yang dikenali sebagai Padang Gaong, Mukim Ulu Melaka, Langkawi, Kedah. Ianya adalah sejauh lebih kurang 12.4 km arah Barat Laut Pekan Kuah. Ia boleh dimasuki dari Pekan Kuah melalui Jalan Kuah-Padang Matrasat sejauh 3 km, belok kanan ke Jalan Padang Gaong, Bergerak sejauh 7 km, belok kanan lagi ke Jalan Ulu Melaka-Padang Lalang. Setelah 500 meter, belok kiri ke Jalan Padang Saga dan terus bergerak sejauh 500 meter. Dari sini belok kiri ke jalan berturap melepasi Logi Penapisan Air Padang Saga sejauh 700 meter dan terus melalui jalan mini tar, melalui satu terusan sejauh 500 meter, belok kanan pula sejauh 200 meter, melepasi lot berdekatan menuju ke hartanah berkenaan.

HARGA RIZAB
Hartanah tersebut akan dijual tertakluk kepada satu Harga Rizab sebanyak RM63,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: ENAM PULUH TIGA RIBU) SAHAJA dan kepada syarat-syarat jualan yang ditetapkan di Perisytiharan Jualan. Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit 10% daripada Harga Rizab dalam bentuk Bank Draft di atas nama Plaintiff EON BANK BERHAD sebelum jam 9.15 pagi pada hari lelongan awam dan baki wang belian hendaklah dibayar oleh pembeli dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan kepada Plaintiff.

Untuk butir-butir lanjut, sila berhubung dengan TETUAN HOE & AHMAD ZAKI, Pegambela & Peguacara, No. 1564, Tingkat 2 & 3, Wisma Southern Bank, Jalan Kota, 05000 Alor Star, Kedah atau Tuan Pengurus, EON Bank Berhad, No. 18K, Jalan Raya, 06300 Gurun, Kedah atau PELELONG yang tersebut di bawah:

SYED NAZRI BIN SYED HASSAN
PELELONG BERLESEN
2537-1, Taman Muhibbah,
Jalan Sultanah,
05350 Alor Star,
Kedah Darul Aman.
NO. TEL / FAKS: 04-7344269
NO. H/P: 019-5621016